## BUKU TEKS JILID 2 MUKA SURAT 39

**A ) Arahan: <u>Taipkan pilihan jawapan di bawah ke dalam petak ayat yang sesuai.</u>**

| | | |
|---|---|---|
| bernafas | udara | sumber |
| menanam | jenis | panas |

### Pokok dalam Kehidupan



Pokok di sekeliling kita mempunyai pelbagai kegunaan. Pokok berguna kepada manusia, haiwan dan alam sekitar.

Gas oksigen dilepaskan oleh pokok ke [ ]. Oksigen penting kepada manusia dan haiwan. Manusia dan haiwan memerlukan oksigen untuk [ ].

Pokok menjadi habitat atau tempat tinggal pelbagai [ ] haiwan seperti burung, tupai dan monyet. Selain itu, pokok-pokok juga menjadi [ ] makanan kepada sesetengah haiwan.

Ketika cuaca [ ], pokok dapat meredupkan dan menyamankan suasana. Dedaun pokok yang besar bertindak sebagai pelindung sinaran matahari.

Oleh itu, orang ramai digalakkan untuk [ ] pokok di sekitar rumah masing-masing.

LIVEWORKSHEETS

# BUKU TEKS JILID 2 MUKA SURAT 41

## B) Arahan: Baca dan fahami teks, Kemudian jawab soalan di bawah.

### Budaya Sekolah Elis

Waktu rehat sudah tamat. Elis dan rakan-rakannya segera ke halaman di luar bilik darjah masing-masing. Mereka hendak mengutip sampah sarap.

Aktiviti membersihkan halaman luar bilik darjah selepas waktu rehat sudah menjadi budaya di sekolah Elis. Mereka tidak pernah bersungut ketika berbuat demikian. Mereka berlumba-lumba untuk memastikan kawasan bilik darjah masing-masing adalah paling bersih.

Apabila kawasan sekolah bersih, mereka dapat belajar dengan selesanya. Oleh itu, mereka akan berasa tenang dan dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran.



1. Yang segera ke halaman di luar bilik darjah itu siapa?
   Yang segera ke halaman di luar bilik darjah itu ialah _____.

2. Mereka berbuat demikian bila?
   Mereka berbuat demikian _____ .

3. Apakah yang dilakukan oleh mereka?
   Mereka _____ .

4. Mengapakah mereka tidak bersungut ketika berbuat demikian?
   Mereka tidak bersungut ketika berbuat demikian kerana _____
   _____
   _____

5. Bagaimanakah kamu dan rakan-rakan menjaga kebersihan kawasan sekolah kamu ?
   Saya dan rakan-rakan menjaga kebersihan kawasan sekolah dengan
   _____
   _____
   _____

LIVEWORKSHEETS